

Unimas yakin disenarai sebagai universiti terbaik dunia

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yakin akan disenaraikan sebagai salah sebuah universiti terbaik dunia oleh *Times Higher Education* (THE) menjelang 2014.

Timbalan Naib Canselornya, Profesor Murtedza Mohamed, berkata Unimas sudah bersedia untuk bersaing dengan lebih 300 universiti lain dari seluruh dunia untuk mendapat tempat dalam senarai itu.

"Mulai 2006, Unimas mahu menghasilkan sekurang-kurangnya 1,000 hasil penyelidikan setahun, seterusnya kita akan pastikan setiap hasil penyelidikan ini mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Ini bermakna, kita akan menghasilkan lebih 5,000 hasil penyelidikan menjelang akhir dekad ini, seterusnya melayakkan universiti diserapkan dalam senarai universiti terbaik dunia oleh *THE*," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kecemerlangan kepada pemenang Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005, di sini, semalam.

THE ialah akhbar yang berpangkalan di London dan penerbitannya menjurus kepada hasil penyelidikan institusi pendidikan tinggi di

seluruh dunia.

Dalam pameran yang berlangsung dari 30 September hingga 2 Oktober lalu itu, Unimas memenangi dua pingat emas, satu perak dan lima gangsa.

Diminta mengulas lanjut mengenai perkara itu, beliau yakin Unimas mampu menjadi universiti terbaik di peringkat antarabangsa walaupun ia antara universiti termuda di rantau ini.

"Unimas sedang menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan bagi membolehkan pelajar dan kakitangannya menjalankan pelbagai program penyelidikan dan pembangunan yang berkualiti.

"Sudah tiba masanya Unimas memperhebatkan usaha menghasilkan penyelidikan bermutu supaya diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, kajian Unimas baru-baru ini mendapati lebih daripada 50 peratus graduan Unimas berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menduduki peperiksaan akhir pengajian mereka.

"Ia sekaligus membuktikan keceemerlangan dan keberkesanan Unimas sebagai institusi pengajian tinggi di negara ini," katanya.



CEMERLANG: Dua penyelidik suami isteri, Dr Nazlina Shaari dan Dr Khairul Aidil gembira selepas mendapat anugerah emas yang disampaikan Prof Murtedza, di Hotel Merdeka Palace.

NIK HARIFF HASSAN | BERITA MINGGU